

# Bukti dedahkan sengaja dibakar

TUAN BUQHAIKHAH TUAN MUHAMAD ADNAN

PUTRAJAYA - Empat daripada tujuh sampel diambil di hadapan pintu masuk asrama pusat tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah yang terbakar pada 14 September lalu, mengandungi residu cecair mudah menyala jenis petrol.

Selain itu, dua tong gas cecair petroleum (LPG) berwarna hijau merah kosong dan injap silindernya ditemui dalam keadaan terbuka.

Dua bahan bukti itu didedahkan menerusi laporan kebakaran oleh Jabatan Bomba Penyelamat Malaysia pada sidang media khas, semalam.

Ketua Pengarahnya, Datuk Wan Mohd Nor Ibrahim ber-



Foto: BERNAMA

Wan Mohd Nor menunjukkan kenyataan akhbar mengenai laporan tragedi kebakaran Pusat Tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah.

kata, hasil penemuan itu menunjukkan punca kebakaran mengorbankan 21 pelajar dan dua guru tersebut adalah perbuatan sengaja dibakar.

“Kebakaran dipercayai disebabkan api dinyalakan menggunakan petrol dicurahkan pada rak tuala, rak kasut dan dinding pintu masuk as-

**INFO** ● Residu cecair mudah menyala jenis petrol

● Dua tong gas cecair petroleum

● Injap silinder dalam keadaan terbuka

rama berkenaan,” katanya.

Menurutnya, *clean burn* pada dinding sekeliling pintu masuk bilik asrama menguatkan lagi bukti tempat bermulanya kebakaran itu.

“Selain keterangan saksi, dan ia disokong lagi dengan kewujudan kesan api seperti *spalling* pada dinding pintu, *mass loss* di pintu, siling, al-

mari dan rak kasut.

“Api marak dengan cepat disebabkan oleh gas LPG yang dilepaskan daripada kedua-dua silinder berkenaan, tambahan pula, bahan pencetus kebakaran (*fire load*) yang banyak di bilik asrama menyebabkan mangsa yang sedang tidur terkorban dalam masa singkat,” katanya.

Wan Mohd Nor berkata, pihaknya mendapat petunjuk kejadian itu disebabkan perbuatan sengaja dibakar jam 1 tengah hari, pada hari kejadian.

“Ini adalah kejadian kedua terbesar dalam sejarah kebakaran melibatkan pusat tahfiz selepas insiden yang berlaku di Sekolah Agama Taufiqiah Khairiah AlHalimah,

Padang Lumat, Kedah yang mengorbankan 27 pelajar pada 1989,” katanya.

Menurutnya, laporan siasatan tersebut diperoleh kelmarin dan telah diserahkan kepada polis untuk tindakan lanjut.

Seramai 21 pelajar dan dua guru yang juga warden pusat tahfiz berkenaan terkorban akibat terperangkap di asrama yang terletak di tingkat paling atas bangunan tiga tingkat itu dalam tragedi jam 5.15 pagi, 14 September lalu.

Susulan kejadian itu, Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Amar Singh Ishar Singh mengumumkan tujuh remaja berusia antara 11 dan 18 tahun ditahan bagi membantu siasatan.